

SOALAN NO: 127

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR**  
**KAWASAN : KULIM BANDAR BAHARU**

**SOALAN:**

**YB. DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan isu pembinaan lebuh raya di antara Bandar Baru ke Kulim Hi-Tech dan lebuh raya di antara Kulim ke Mahang telah menjadi isu utama di Kulim Bandar Baharu sejak dahulu hingga kini dan terkini terdapat beberapa kemalangan maut telah berlaku di kawasan tersebut. Dengan usaha Kerajaan untuk meluluskan cadangan pembinaan lebuh raya ini dalam tempoh RMK-11, dapatkah Kerajaan menyediakan satu inisiatif mudah atau jangka pendek bagi menambah baik jalan-jalan ini untuk memberi keselesaan kepada penduduk yang menggunakan jalan ini sebagai jalan utama dan seterusnya dapat mengurangkan kes kemalangan di sini.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agensi pusat telah menerima beberapa cadangan penswastaaan pembinaan lebuhraya baru yang meliputi negeri-negeri di koridor utara Semenanjung Malaysia iaitu Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Sehubungan itu, Kementerian sedang melaksanakan satu kajian kemungkinan untuk mengenalpasti jajaran yang optimum di koridor utara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian ini akan mengambil masa selama sembilan bulan dan dijangka akan siap pada penghujung tahun 2017. Oleh itu, sama ada lebuhraya di antara Bandar Baru ke Kulim Hi-Tech dan lebuhraya di antara Kulim ke Mahang merupakan jajaran yang paling optimum untuk pembinaan hanya akan dapat ditentukan setelah kajian ini siap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara '*core business*' Kementerian Kerja Raya ialah membina, menyelenggara jalan-jalan Persekutuan serta memastikan keselamatan/keselesaan pengguna jalan raya terjamin di seluruh negara. Kerja-kerja penyelenggaraan jalan Persekutuan dipecahkan kepada 3 cara kerja, iaitu **rutin, berkala dan kecemasan**. Kerja-kerja penyelenggaraan ini dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi penyelenggaraan yang telah dilantik oleh Kerajaan.

Peruntukan tahunan kerja – kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia biasanya disalurkan melalui Kementerian Kerja Raya kepada Jabatan Kerja Raya mengikut negeri. Bagi Negeri Kedah yang merangkumi panjang jalan 1,105.55km, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak **RM 152.9 Juta** daripada tahun 2014 hingga 2017 (Seperti Jadual 1). Daripada jumlah tersebut, pada tahun 2017 sahaja, sebanyak **RM 2.43 Juta** telah dibelanjakan bagi Jalan

Bandar Baru Kulim ke Hi-Tech (FT136) dan RM 750 Ribu bagi Jalan Kulim ke Mahang (FT169).

**Jadual 1: Peruntukan Tahunan Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Persekutuan bagi Negeri KEDAH**

NEGERI/TAHUN	2014	2015	2016	2017 (JANUARI HINGGA JUN)	JUMLAH
KEDAH	RM54.8 JUTA	RM48.1 JUTA	RM34.2 JUTA	RM15.8 JUTA	RM152.90 JUTA

Sebagai inisiatif mudah atau langkah jangka masa pendek dalam memastikan permukaan jalanraya sentiasa selamat dan selesa, kempen Zero potholes telah diwujudkan. Menerusi kempen ini, semua pothole akan ditampal dalam tempoh 24 jam, samada secara tampalan sementara dan pembaikan kekal dalam tempoh 3 hari.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebagai usaha penambahbaikan dan kepelbagaian saluran aduan awam, Kementerian Kerja Raya telah melancarkan aplikasi mobil "Aduan Jalan KKR 2.0" menerusi telefon pintar mudah alih. Ini merupakan salah satu inisiatif di dalam Pelan Transformasi Kementerian Kerja Raya, selain menerima aduan melalui Talian Bebas Tol JKR (1-800-88-5004), juga melalui saluran-saluran lain seperti surat, faks, surat khabar, telefon, SMS, e-mel, media sosial dan sistem online (SISPAA) Biro Pengaduan Awam.

Selain itu, Kementerian Kerja Raya juga telah mewujudkan program 'Rakan KKR' di mana pengguna terlibat sama meninjau dan menyampaikan maklumat apabila terdapat sesuatu kerosakan atau halangan pada Jalan Persekutuan. Pada masa yang sama, Kementerian Kerja Raya juga mengamalkan "No Wrong Policy" di

mana sekiranya Kementerian menerima aduan kerosakan jalan yang bukan di bawah tanggungjawabnya, aduan tersebut akan disalurkan kepada pihak yang berkenaan.

Manakala bagi kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan yang telah siap dilaksanakan, JKR akan menjalankan Audit untuk memastikan kualiti pembinaan dan penyenggaraan dilakukan mengikut spesifikasi serta memastikan Jalan Persekutuan sentiasa selamat dan selesa untuk pengguna jalanraya.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN 1

Bil.	Lokasi	Laluan	Negeri	Data Kemalangan (Sebelum pembaikan)			
				Maut	Parah	Ringan	Jumlah
1	Jalan Seremban - PD (Tmn Negeri/Tmn Limau Mas)	FT 053	Negeri Sembilan	1	4	0	5
2	Jalan Batu Pahat - Kluang	FT 050	Johor	1	2	0	3
3	Jalan Melaka - Alor Gajah (Lebuh AMJ - Tmn Cheng)	FT 019	Melaka	4	2	0	6
4	Jalan Kajang - Semenyih (Taman Desa Semenyih)	FT 001	Selangor	8	0	5	13
5	Jalan Kuala Terengganu - Kota Bharu	FT 003	Terengganu				
6	Jalan Jerantut - Temerloh (Kg Temin)	FT 098	Pahang	7	1	3	11
7	Jalan Panglima Bayu - Rantau Panjang - Jeram Perdah	FT 196	Kelantan	3	0	0	3
8	Jalan Kangar - Alor Setar	FT 007	Perlis	1	3	8	12
9	Jalan Ipoh - Tanjung Malim	FT 001	Perak	3	1	2	6
10	Jalan Kelang Lama - Sempadan Negeri Pulau Pinang	FT 254	Kedah	1	0	4	5
11	Jalan Kulim - Baling - Gerik	FT 004	Kedah	7	3	6	16
12	Persimpangan Mar Vista Resort/Jalan Batu Feringgi	FT 060	Pulau Pinang				
13	Jalan OKK Daud (Berhampiran Kg. Merinding)	L 703	Labuan	1	1	3	5
14	Jalan Papar - Beaufort (Simpang Nyaris-Nyaris Bongawan)	1	Sabah	1	1	0	2
15	Jalan Kimanis - Keningau	500	Sabah	3	0	0	3
16	Persimpangan Jepak	1-61 A	Sarawak	1	0	1	2
17	Persimpangan Ulu Sebauh	1-61 A	Sarawak	1	0	0	1
18	Persimpangan Tmn. Sri Pelabuhan	1-61 A	Sarawak	2	0	1	3

## SENARAI 21 PROJEK

Bil	Nama Projek	Kos diluluskan (RM)	PERANCANGAN	
			TARIKH MULA	TARIKH SIAP
1.	Menaiktaraf Lebuhraya Pulau Indah (Fasa 2)	350.00 juta	30 Okt 2017	29 Oktober 2020
2.	Membina Jalan Baru Lencongan Timur Dari Persimpangan Jalan Tun Razak, Alor Setar – Fasa 2b (Dari Jalan Datuk Kumbang Ke Jalan Tun Razak / Jalan Langgar)	97.71 juta	30 Okt 2017	29 Okt 2019
3.	Menaiktaraf Laluan 64 Jalan Benta - Jerantut - Maran (Fasa 1 Segmen 7)	71.02 juta	30 Okt 2017	29 Okt 2020
4.	Membina Persimpangan Bertingkat Di Batu 9 Cheras Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan	84.80 juta	30 Okt 2017	29 Okt 2020
5.	Pembinaan Jambatan Batang Igan, Mukah, Sarawak	350.00 juta	8 Januari 2020	7 Julai 2023
6.	Menaiktaraf Jalan Sulaman / UMS Kota Kinabalu	424.43 juta	18 Oktober 2017	17 Oktober 2020
7.	Menaiktaraf Laluan 7 (Jalan Alor Setar- Kangar) Persimpangan Lencongan Barat, Alor Setar ke Pekan Sanglang, Kedah (Kerja Awalan dan Pengambilan Tanah) (Reka & Bina)	102.8 juta	30 Oktober 2017	29 Oktober 2020

8.	Pembinaan Jambatan Batang Lupar, Sri Aman, Sarawak	500.00 juta	Mac 2018	Mac 2023
9.	Menaiktaraf Jalan Lok Kawi – Pengalat – Papar, Sabah	675.00 juta	Mei 2018	Mei 2021
10.	Projek Menaiktaraf Jambatan Kota Tinggi <i>Bypass</i> untuk Mengatasi Masalah Banjir dan Penguraian Lalu Lintas	40.00 juta	30 Oktober 2017	29 Oktober 2020
11.	Projek Menaiktaraf Jalan Raya Kota Tinggi – Bandar Penawar (Kajian)	5.0 juta	Jun 2017	Nov 2017
12.	Membina Lebuhraya Kota Bharu Ke Kuala Krai, Kelantan Pakej 2b: Ketereh Ke Kok Lanas	229.79 juta	29 Sept 2017	28 Sept 2020
13.	<i>Central Spine Road</i> Pakej 5: Raub Ke Bentong, Pahang Seksyen 5a: Raub <i>Bypass</i> Seksyen 5b: Kg. Orang Asli Sg. Chandan Ke Kg. Asap	273.21 juta	30 Okt 2017	29 Okt 2021
14.	<i>Central Spine Road</i> Pakej 3: Gua Musang, Kelantan Ke Kg. Relong, Pahang Seksyen 3d: Bulatan Gua Musang Ke Mentara	253.55 juta	30 Ogos 2017	29 Ogos 2021
15.	Program Menggantikan Jambatan –Jambatan Sempit dan Uzur Di Semenanjung, Sabah dan Sarawak	109.08 juta	30 Okt 2017	29 Okt 2019

16.	Membina Jambatan Menyeberangi Sungai Perak di Antara Kg.Seberang Manong ke ekan Manong (Kg. Simpang Melembu), Kuala Kangsar, Perak	43.5 juta	28 Julai 2017	27 Julai 2019
17.	Menaiktaraf Laluan 67, Sungai Petani – Baling, Dari Simpang FT67/K620 (Kuala Muda) Ke Simpang FT67/K19 (Baling), Kedah.(Rekabentuk)	16.9 juta (Rekabentuk)	03 April 2017 (Rekabentuk)	31 Oktober 2017 (Rekabentuk)
18.	Pembaikan Cerun-Cerun Di Semenanjung Malaysia dan Sabah	102.40 juta	Peringkat pelaksanaan	
19.	Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya	241.50 juta	Peringkat pelaksanaan	
20.	PPP/PFI – Cadangan Pembangunan Institusi Latihan Jabatan Kerja Raya	453.93 juta	Peringkat pelaksanaan	
21.	Penyediaan Prasarana Pengujian Bahan Binaan Bagi Pengukuhan Penguatkuasaan Pematuhan Piawaian Mandatori Bahan Binaan di Bawah Akta 520 (Pindaan 2011)	10.00 juta	Peringkat pelaksanaan	



SOALAN NO. : 128

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR  
[KULIM BANDAR BAHARU]

SOALAN :

Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kementerian mempertimbangkan permohonan peruntukan bagi projek tebatan banjir menaik taraf sistem Sungai Tebuan dan Sungai Wang Pinang, Kulim yang dikatakan menjadi punca kepada sering berlakunya banjir kilat di sekitar kawasan ini. Selain itu, sejauh manakah Kementerian mengkaji isu "bottle neck" di sekitar kawasan Bukit Mertajam, Seberang Perai yang turut mendorong kepada berlakunya bencana banjir di sekitar daerah Kulim akibat daripada kedudukan kedua-dua kawasan ini yang terletak bersebelahan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian Sistem Saliran Perbandaran Kulim sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri yang telah bermula pada tahun 2016 dan dijangka selesai pada penghujung tahun 2017. Setelah kajian ini siap kelak, pihak Kerajaan Negeri akan mencadangkan kaedah-kaedah mitigasi banjir seperti menaiktaraf beberapa tempat termasuk sistem Sungai Tebuan dan Sungai Wang Pinang serta beberapa kawasan *bottle neck* yang menyempitkan aliran sungai di bahagian sempadan Seberang Perai, Pulau Pinang terutamanya di hulu Sungai Machang Bubuk bagi penyelesaian masalah banjir kilat di Kulim ini.

Namun begitu, bagi langkah segera untuk tahun 2017 dan 2018, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mencadangkan kerja-kerja menaiktaraf dua pembetung jalan yang merentangi Sungai Wang Pinang berjumlah kos RM1juta dilaksanakan.

Selain itu, pada tahun 2016 dan 2017, pihak JPS Daerah Kulim telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan Sungai Wang Pinang, Sungai Tebuan dan Sungai Air Merah Selatan ke hulu Sungai Machang Bubuk secara berkala.

Sekian, terima kasih.